

**Adnan Mohamed Yusoff\***

***WASATIYYAH DARI PERSPEKTIF QURAN DAN SUNNAH: PENGHAYATANNYA DALAM NILAI DAN ETIKA PERKHIDMATAN AWAM***

**Abstract**

Moderation is one of the features that make Islam a religion that remains relevant until the end of time. This feature is making it also relevant for all nations regardless of their social status. Moderation makes the perfection of Islam practical and realistic in regulating with life or manhaj al-hayah. In government's effort to transform the country, the concept of moderation has been applied as a strategic approach and proved that it gives a positive impact to the executive agency on delivering a development agenda as outlined, as well as to the community that can enjoy life's well-being, the results is the current country progress. The effectiveness of this strategy to the Malaysian society which consists of various religion backgrounds and races is the evidence of Islam's miracles that is known as 'al-Din'. Thus, understanding and appreciating this concept from the real resource will enhance the positive impact of the implementation for this concept in the country's transformation agenda. This paper aims to explain the concept of moderation from the perspective of Quran and Sunnah by seeking the context of the relevant passages from the standpoint of understanding according to language background and the culture of Arab community during the days of our Prophet s.a.w, as well as the explanation of Islamic scholars to provide an understanding and appreciation to cultivate

---

\* Prof. Madya dan Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia.

moderation in various dimension of life. The study will focus on the Quran and Sunnah texts related to moderation, then the analysis and description by the mufassir and respectable scholars from classical texts (turath), as well as the view of the contemporary scholars in order to understand, appreciate and apply this concept in life. The findings could open a new dimension to the understanding of society regarding moderation concept and provide a comprehensive guide for them to be applied in various sector of life, especially in the context of public service.

*Keywords:* *Moderation, al-Quran, al-Sunnah, public service, Malaysia.*

## **Pendahuluan**

Dalam usaha keras pihak kerajaan Malaysia membawa agenda transformasi negara ke arah mensejahterakan kehidupan rakyat serta memecut kemajuan negara menuju wawasan negara maju 2020, *wasatiyyah* muncul sebagai suatu pendekatan yang lunak sesuai dengan keterbukaan masyarakat majmuk Malaysia hari ini, bagi menarik penglibatan semua pihak dalam semua agenda negara, secara lebih bermakna agar sama-sama menyumbang ke arah merealisasikan harapan negara dan memenuhi aspirasi masyarakat.

Pemilihan *wasatiyyah* sebagai suatu pendekatan strategik kerajaan dalam urus tadbir negara membuka ruang kepada para ilmuan untuk menonjolkan nilai-nilai murni di sebalik istilah ini melalui wacana-wacana ilmiah sebagai usaha memupuk serta memperkasakan modal insan berkualiti untuk negara. Penubuhan Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM) pada awal tahun 2013, tidak lain dan tidak bukan sebahagiannya adalah untuk memainkan peranan ini secara terancang dan berstruktur. Dalam konteks pekhidmatan awam, berbagai majlis penerangan, seminar, dan bengkel telah dianjurkan oleh IWM dengan kerja sama pihak berwajib, untuk menarik kakitangan awam serta warga kerja

berkaitan, supaya sama-sama memahami, mengamalkan, seterusnya menghayati nilai *wasatiyyah* dalam urusan pekerjaan masing-masing.

### **Maksud *Wasatiyyah* dari Sudut Bahasa**

Dari sudut bahasa Arab, perkataan *wasatiyyah* berasal dari kata dasar (وسط) yang secara umumnya membawa maksud keadilan dan pertengahan. Jika disebut dengan mematikan huruf ‘sin’ (س), ia membawa maksud antara. Manakala jika disebut dengan ‘sin’ baris di atas (سط), ia membawa beberapa makna, iaitu: kata nama bagi bahagian tengah sesuatu benda, kata sifat kepada sesuatu yang paling baik, paling bagus, yang terpilih, paling adil, dan paling tengah.<sup>42</sup>

Secara umum dapat disimpulkan bahawa perkataan *wasatiyyah* bila digunakan ia merujuk sama ada kepada maksudnya secara maknawi iaitu keadilan, kebaikan, keutamaan, kemuliaan, ketinggian; atau maksudnya secara fizikal (*hissi*) iaitu tengah-tengah, pertengahan dan antara. Ia juga sentiasa membawa bersamanya maksud ‘paling’.

### **Ayat-ayat Berkaitan *Wasatiyyah* dalam Quran**

Perkataan (وسط) dan pecahannya muncul di lima tempat dalam Quran. Ia muncul dalam empat bentuk pecahan yang berbeza iaitu: (أوسط), (الوسطي), (وسطن) dan (أوسط).

Berikut adalah ayat-ayat tersebut:

Firman Allah SWT dalam surah *al-Baqarah*, ayat 143:

---

<sup>42</sup> Lihat: Ibn Manzur, Muhammad bin Mukram. 1414H. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir. Jld. 7. Hlm 426-432.

﴿وَكَذِلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا وَمَا جَعَلْنَا الْقِبْلَةَ الَّتِي كُنْتَ عَلَيْهَا إِلَّا لِنَعْلَمَ مَنْ يَتَّبِعُ الرَّسُولَ مِمَّن يَنْقِلِبُ عَلَى عَقِبَيْهِ وَإِنْ كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَانَكُمْ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَءُوفٌ﴾  
رَحِيمٌ

Maksudnya: *Dan demikianlah (sebagai mana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada manusia (tentang yang benar dan yang salah), dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu. (Sebenarnya Kiblat kamu ialah Kaabah) dan tiadalah Kami jadikan Kiblat yang engkau mengadapnya dahulu itu (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi ujian bagi melahirkan pengetahuan Kami tentang siapakah yang benar-benar mengikut Rasul serta membenarkannya dan siapa pula yang berpaling tada (berbalik kepada kekufurannya). Dan sesungguhnya (soal peralihan arah kiblat) itu adalah amat berat (untuk diterima) kecuali kepada orang-orang yang telah diberikan Allah pertunjuk hidayah. Dan Allah tidak akan menghilangkan (bukti) iman kamu. Sesungguhnya Allah Amat melimpah belas kasihan dan rahmatNya kepada orang-orang (yang beriman).*<sup>43</sup>

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 238:

---

<sup>43</sup> Semua terjemahan ayat Quran dalam tulisan ini adalah dipetik dari: *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, terbitan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Tafsir Al-Quran for Windows 95 Versi 1.0, Bahaman Makiran.

﴿ حَفِظُوا عَلَى الصَّلَواتِ وَالصَّلَاةِ الْوُسْطَىٰ وَقُومُوا لِلَّهِ قَنِينِ ﴾

Maksudnya: Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala sembahyang fardu, khasnya sembahyang yang Wusta (sembahyang Asar), dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyuk.

Firman Allah SWT dalam surah *al-Ma''idah*, ayat 89:

﴿ لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَدْتُمُ الْأَيْمَانَ فَكَفَرَتُهُ إِطْعَامُ عَشَرَةِ مَسَكِينٍ مِّنْ أَوْسَطِ مَا تُطْعِمُونَ أَهْلِيْكُمْ أَوْ كِسْوَتِهِمْ أَوْ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ فَمَنْ لَمْ تَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ ۝ ذَلِكَ كَفَرَةٌ أَيْمَانِكُمْ إِذَا حَلَفْتُمْ ۝ وَاحْفَظُوا أَيْمَانِكُمْ ۝ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ أَيَّتِيهِ لَعْنَكُمْ تَشْكُرُونَ ﴾

Maksudnya: Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah olehNya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh. Maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu, atau memberi pakaian untuk mereka, atau memerdekaan seorang hamba. Kemudian sesiapa yang tidak dapat (menunaikan denda yang tersebut), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari. Yang demikian itu ialah denda penebus sumpah kamu apabila kamu bersumpah. Dan jagalah - peliharalah - sumpah kamu. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (hukum-hukum agamaNya) supaya kamu bersyukur.

Firman Allah SWT dalam surah *al-Qalam*, ayat 28:

﴿قَالَ أَوْسَطُهُمْ أَلَمْ أَقْلِ لَكُمْ لَوْلَا تُسْبِّحُونَ﴾

Maksudnya: *Berkatalah orang yang bersikap adil di antara mereka: "Bukankah aku telah katakan kepada kamu (semasa kamu hendak menghampakan orang-orang fakir miskin dari habuannya): amatlah elok kiranya kamu mengingati Allah (serta membatalkan rancangan kamu yang jahat itu)?"*

Firman Allah SWT dalam surah *al-Adiyat*, ayat 5:

﴿فَوَسْطَنَ بِهِ جَمِيعًا﴾

Maksudnya: *Lalu menggempur ketika itu di tengah-tengah kumpulan musuh.*

### Pandangan Ulama Mengenai Maksud *Wasatiyyah* Dalam Quran

Berdasarkan maksud-maksud yang tersirat di sebalik perkataan ini dari sudut bahasa, para mufassirin dan ulama memberikan pandangan masing-masing dalam memahami maksud *wasatiyyah* dalam ayat-ayat di atas.

Dalam memahami ayat pertama sebagai contoh, al-Imam *al-Tabariy* misalnya memilih makna berbentuk fizikal iaitu umat yang berada di tengah-tengah antara golongan Nasrani yang terlalu 'taksub' dalam aspek keagamaan sehingga membawa kepada amalan pertapaan (*rahbaniyyah*) yang tidak mempedulikan hal ehwal keduniaan; dan golongan Yahudi yang mempersenda-sendakan agama, mendustakan para nabi, malah membunuh para nabi dan mengubah agama mereka secara sesuka hati. Walau bagaimanapun, dari sudut pemahamannya,

*wasatiyyah* dalam ayat ini turut membawa maksud bahawa mereka juga merupakan umat yang paling adil dan paling baik.<sup>44</sup>

Manakala al-Shaykh Rashid Rida memilih makna paling adil dan paling baik sebagai maksud ayat kerana sesuatu yang terbaik adalah yang berada di tengah-tengah antara dua perkara yang bertentangan.<sup>45</sup> Sayyid Qutb dalam tafsirnya, memberikan ulasan yang menarik mengenai maksud *wasatiyyah* dalam ayat ini. Menurut beliau, Umat Islam merupakan umat *wasatiyyah* dalam erti katanya yang menyeluruh merangkumi maksud maknawinya iaitu kebaikan dan keutamaan, kesederhanaan dan keseimbangan mahupun maksud fizikal dan lahiriahnya. Mereka adalah umat *wasatiyyah* dari sudut pendirian dan pegangan akidah, *wasatiyyah* dari sudut pemikiran dan perasaan, *wasatiyyah* dari sudut pentadbiran dan pengurusan, *wasatiyyah* dari sudut ikatan dan hubungan, *wasatiyyah* dari sudut masa dan *wasatiyyah* dari sudut tempat.<sup>46</sup>

Jika dilihat kepada huraian para mufassirin terhadap ayat-ayat lain, kita akan dapati bahawa corak yang sama dari sudut pendekatan dan pemilihan makna *wasatiyyah* dalam ayat-ayat terbabit. Ada yang memilih maksudnya secara maknawi dan ada juga yang memilih maksudnya secara fizikal. Walau bagaimanapun hubung kait antara kedua-dua maksud ini tetap cuba diterapkan dalam huraian mereka bagi mendapatkan pemahaman serta penghayatan yang holistik.<sup>47</sup>

<sup>44</sup> Lihat: al-Tabariy, Muhammad bin Jarir. 1420H/2000. *Jami' al-Bayan fi Ta'wil Ay al-Qur'an*. Tah. Shakir, Ahmad Muhammad. T.tp: Mu'assasah al-Risalah. Jld. 3. Hlm. 142.

<sup>45</sup> Lihat: Rida, Muhammad Rashid. 1990. *Tafsir al-Qu'an al-Hakim*. T.tp: al-Hay'ah al-Misriyyah al-Ammah li al-Kitab. Jld. 2. Hlm.4.

<sup>46</sup> Lihat: Qutb, Sayyid. 1412H. *Fi Zilal al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Shuruq. Jld.1. hlm. 131.

<sup>47</sup> Lihat: al-Sallabiyy, Muhammad Aliy. 1419H/1999. *Al-Wasatiyyah Fi al-Qur'an al-Karim*. Amman: dar al-Nafa'iis. Hlm.25-35.

### Wasatiyyah dalam Sunnah Rasulullah SAW.

Bagi melihat kedudukan *wasatiyyah* serta pemahamannya dari perspektif nabawi, diperturunkan di sini beberapa hadis berkaitan.

Sabda Rasulullah SAW. seperti yang diriwayatkan daripada Abu Said al-Khudriy r.a.:

يُدْعَى نُوحٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، فَيَقُولُ: لَكُمْ وَسَعْدَيْكَ يَا رَبُّ، فَيَقُولُ: هَلْ بَلَغْتَ؟  
فَيَقُولُ: نَعَمْ، فَيَقَالُ لِأُمَّتِهِ: هَلْ بَلَغْتُكُمْ؟ فَيَقُولُونَ: مَا أَنَا مِنْ نَذِيرٍ، فَيَقُولُ: مَنْ  
يَشْهُدُ لَكَ؟ فَيَقُولُ: مُحَمَّدٌ وَآمِنَتُهُ، فَتَشَهَّدُونَ أَنَّهُ قَدْ بَلَغَ: {وَيَكُونُ الرَّسُولُ  
عَلَيْكُمْ شَهِيدًا} فَذَلِكَ قَوْلُهُ جَلَّ ذِكْرُهُ: {وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا  
إِنْتُكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونُ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا} وَالْوَسْطُ: الْعَدْلُ.

Maksudnya: *Nabi Nuh dipanggil pada hari Qiamat, lalu baginda menjawab: "aku sahut panggilanMu wahai tuhanku."* Allah berfirman: "Adakah kamu telah menyampaikan?" Baginda menjawab: "ya." Lalu ditanya kepada umatnya: "Adakah dia telah menyampaikan kepada kamu?" Mereka berkata: "Tidak ada seorangpun yang datang memberi peringatan kepada kami." Allah bertanya kepada *Nabi Nuh*: "Siapakah saksi kamu?" *Nabi Nuh* berkata: "Muhammad dan umatnya". Kamu semua memberikan kesaksian bahawa baginda telah menyampaikan. Rasulullah pula akan menjadi saksi ke atas kamu. Itulah yang dimaksudkan dalam ayat "Dan demikianlah (sebagai mana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kamijadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada manusia (tentang yang benar dan yang salah), dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang

*menerangkan kebenaran perbuatan kamu.”* Maksud wasatiyyah ialah keadilan.<sup>48</sup>

Sabda Rasulullah SAW seperti yang diriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah r.a.:

كُنَّا عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَخَطَ خَطًّا، وَخَطَ خَطْيْنِ عَنْ يَمِينِهِ،  
وَخَطَ خَطْيْنِ عَنْ يَسَارِهِ، ثُمَّ وَضَعَ يَدَهُ فِي الْخَطِ الْأَوْسَطِ، فَقَالَ: هَذَا سَبِيلُ  
اللَّهِ. ثُمَّ تَلَّ هَذِهِ الْآيَةَ: {وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ  
فَنَرَقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ}.}

Maksudnya: Suatu ketika sedang kami berada bersama Rasulullah SAW, baginda melukis satu garisan dan dua garisan lagi di sebelah kanan garisan tersebut, begitu juga dua garisan lagi di sebelah kiri garisan tersebut. Baginda lalu meletakkan tangannya pada garisan yang di tengah-tengah itu seraya bersabda: Inilah jalan Allah, kemudian baginda membaca sepotong ayat Quran<sup>49</sup> bermaksud: “Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah.”<sup>50</sup>

Sabda Rasulullah SAW seperti yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a.:

<sup>48</sup> Hadis riwayat al-Bukhari dalam *Sahihnya*, Kitab al-tafsir, Bab (وكذلك جعلناكم أمةً وَسَطًا). Lihat: al-Bukhariy, Muhammad bin Ismail. 1422H. *Sahih al-Bukhariy*. Tah. Al-Nasir, Muhammad Zuhayr. T.tp.: Dar Tuq al-Najah. Jld. 6 hlm. 21.

<sup>49</sup> Al-An'am, 6:153.

<sup>50</sup> Hadis riwayat Ibn Majah dalam *Sunnanya*, Kitab Fi al-Iman wa Fada'il al-Sahabah wa al-Ilm, Bab Itiba' Sunnat Rasulillah Salla Allah Alayh wa Sallam. Lihat: Ibn Majah, Muhammad bin Yazid. T.th. *Sunan Ibn Majah*. Tah. Abd al-Baqi, Muhammad Fu'ad. T.tp.: Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah. Jld. 1. Hlm. 6.

إِنَّ فِي الْجَنَّةِ مِائَةً دَرَجَةً، أَعْدَهَا اللَّهُ لِلْمُجَاهِدِينَ فِي سَيِّلِ اللَّهِ، مَا بَيْنَ الدَّرَجَتَيْنِ كَمَا بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ، فَإِذَا سَأَلْتُمُ اللَّهَ، فَاسْأَلُوهُ الْفِرْدَوْسَ، فَإِنَّهُ أَوْسَطُ الْجَنَّةِ وَأَعْلَى الْجَنَّةِ؛ أُرَاهُ فَوْقَهُ عَرْشُ الرَّحْمَنِ، وَمِنْهُ تَغْرُرُ أَنْهَارُ الْجَنَّةِ.

Maksudnya: Sesungguhnya dalam syurga ada seratus darjat yang Allah sediakan untuk para mujahid yang berjuang di jalan Allah. Jarak di antara dua darjat adalah seperti jarak antara langit dan bumi. Justeru, apabila kamu memohon kepada Allah, maka mohonlah al-Firdaus kerana sesungguhnya ia adalah syurga yang paling tengah dan syurga yang paling tinggi. Aku telah diperlihatkannya, di atasnya Arash Allah dan daripadanyaalah terpancur sungai-sungai syurga.<sup>51</sup>

Menurut Ibn Hajar, maksud (أَوْسَطُ ) dalam hadis ini ialah yang paling utama.<sup>52</sup>

Sabda Rasulullah s.a.w. seperti yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a.:

أَنَّ الرَّبِيعَ بِنْتَ النَّضْرِ أَتَتِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَانَ ابْنَهَا حَارَثَةُ بْنُ سُرَاقَةَ أُصِيبَ يَوْمَ بَدْرٍ، أَصَابَهُ سَهْمٌ غَرَبٌ، فَأَتَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ: أَخْبِرْنِي عَنْ حَارَثَةَ لَئِنْ كَانَ أَصَابَ خَيْرًا احْتَسَبْتُ وَصَبَرْتُ، وَإِنْ لَمْ يُصِبْ الْخَيْرَ اجْتَهَدْتُ فِي الدُّعَاءِ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا أُمَّ حَارَثَةَ إِنَّهَا حَنَانٌ فِي حَنَّةٍ، وَإِنَّ ابْنَكَ أَصَابَ الْفِرْدَوْسَ الْأَعْلَى وَالْفِرْدَوْسَ رَبْوَةُ الْجَنَّةِ وَأَوْسَطُهَا وَأَفْضَلُهَا.

<sup>51</sup> Hadis riwayat al-Bukhari dalam Sahihnya, Kitab al-Jihad wa al-Sayr, Bab Darajat al-Mujahidin fi Sabil Allah. Lihat: al-Bukhariy. *Sahih al-Bukhariy*. Jld. 4 hlm. 6.

<sup>52</sup> Lihat: al-Asqalaniy, Ahmad bin Ali Ibn Hajar. 1379H. *Fath al-Bariy Sharh Sahih al-Bukhariy*. Beirut: Dar al-Ma'rifah. Jld. 6 hlm. 13.

Maksudnya: *Bahawasanya Rubayyi' binti al-Nadr datang menghadap Nabi s.a.w. sedang pada ketika itu anaknya Harithah bin Suraqah telah terkorban dalam peperangan Badr kerana terkena panahan sesat. Setibanya di hadapan Rasulullah s.a.w., beliau berkata: "Khabarkanlah kepadaku mengenai keadaan Harithah, sekiranya beliau memperolehi kebaikan, aku akan berserah kepada Allah dan bersabar. Tetapi sekiranya ia tidak memperolehi kebaikan aku akan berusaha bersungguh-sungguh berdoa untuknya." Lalu baginda bersabda kepadanya: "Wahai Ibu Harithah, sesungguhnya ia adalah taman-taman di dalam syurga. Sesungguhnya anakmu memperolehi syurga al-Firdaus al-A'la, dan al-Firdaus itu adalah puncak syurga, tengah-tengahnya dan yang semulia-mulianya."*<sup>53</sup>

Sabda Rasulullah s.a.w. seperti yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Mu'awiyah al-Ghadiriy r.a:

ثَلَاثٌ مِنْ فَعَلْهُنَّ فَقَدْ طَعْمَ طَعْمَ الْإِيمَانِ: مَنْ عَبَدَ اللَّهَ وَحْدَهُ وَأَنَّهُ لَإِلَهٌ إِلَّا اللَّهُ،  
وَأَعْطَى زَكَاةً مَالِهِ طَيِّبَةً بِهَا نَفْسُهُ، رَأْفَدَهُ عَلَيْهِ كُلُّ عَامٍ، وَلَا يُعْطِي الْهَرَمَةَ، وَلَا  
الدَّرَنَةَ، وَلَا الْمَرِيضَةَ، وَلَا الشَّرَطَ الْلَّئِيمَةَ، وَلَكِنْ مِنْ وَسْطِ أَمْوَالِكُمْ، فَإِنَّ اللَّهَ  
لَمْ يَسْأَلْكُمْ خَيْرَهُ، وَلَمْ يَأْمُرْكُمْ بِشَرِّهِ.

Maksudnya: *Tiga perkara, sesiapa yang melakukannya maka ia telah merasai kemanisan iman. Sesiapa yang menyembah Allah satu-satuNya dan mengaku bahawa tiada tuhan melainkan Allah; mengeluarkan zakat hartanya dengan suci hati dan penuh dorongan pada setiap tahun dengan tidak mengeluarkan ternakan yang tua, atau berkurap, atau sakit, atau yang tidak bernilai dan tidak elok, akan tetapi dari pertengahan harta kamu. Sesungguhnya Allah tidak meminta dari kamu harta yang paling*

<sup>53</sup> Hadis riwayat al-Timiziy dalam Sunannya, Kitab Abwab Tafsir al-Qur'an , Bab wa min Surat al-Mu'minun. Lihat: al-Tirmiziy, Muhammad bin Isa. 1998. *Sunan al-Tirmiziy*. Tah. Ma'ruf, Bashshar Awwad. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiy. Jld. 5 hlm 180.

baik dan tidak pula memerintah kamu dengan harta yang buruk.<sup>54</sup>

### Rumusan Maksud *Wasatiyyah* Dalam Quran dan Sunnah

Dari penelitian terhadap penggunaan perkataan (وسط) dan pecahannya dalam teks Quran dan hadis seperti dalam penerangan di atas, didapati bahawa ia selari dengan penggunaannya dari sudut bahasa. Boleh disimpulkan bahawa perkataan ini diguna pakai dalam dua dimensi iaitu *hissi* (fizikal) dan maknawi (abstrak). Dari dimensi *hissinya*, ia membawa maksud tengah-tengah, pertengahan dan antara. Manakala dari dimensi maknawinya pula ia membawa maksud paling adil, paling baik, paling bagus, paling mulia, paling terpilih.

Menurut al-Sallabiyy dalam kajian ilmiahnya mengenai *wasatiyyah*, istilah *wasatiyyah* mengandungi dua unsur iaitu ‘paling baik dalam sesuatu perkara’ dan ‘pertengahan sama ada secara *hissi* atau maknawi’. Tanpa kedua-dua unsur ini, istilah *wasatiyyah* tidak tepat digunakan sebagai nilai kepada sesuatu perkara.<sup>55</sup> Sebagai contoh, ayat 143 dari surah al-Baqarah yang menyifatkan umat Islam sebagai sebuah umat *wasatiyyah* adalah kerana mereka merupakan umat yang terbaik seperti yang dinobatkan oleh Allah SWT dalam ayat 110 dari surah Al Imran:

---

<sup>54</sup> Hadis riwayat Abu Dawud, dalam Sunannya, Kitab Abwab Tafsir al-Qur'an, Bab Fi Zakat al-Sa'imah. Lihat: Abu Dawud, Sulayman bin al-Ash'ath. T.th. *Sunan Abi Dawud*. Tah. Muhammad Muhy al-Din Abd al-Hamid. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah. jld. 2 hlm. 103; lihat juga huraian hadis ini dalam: al-'Iimiyy, Mahmud bin Ahmad Badr al-Din. 1420H/1999. *Sharh Sunan Abi Dawud*. Tah. Al-Misriyy, Khalid bin Ibrahim. Riyadh: Maktabat al-Rushd. Jld.6. hlm. 272-274.

<sup>55</sup> Lihat: al-Sallabiyy. *al-Wasatiyyah Fi al-Qur'an al-Karim*. Hlm. 42-47.

﴿كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايْتُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْلَا إِمَامٌ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَسِيقُونَ﴾

Maksudnya: *Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman) (0124). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu; beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka; orang-orang yang fasik.*

Mereka juga secara maknawinya merupakan golongan pertengahan dalam amalan keagamaan mereka. Mereka tidak terlalu taksub dalam mengagongkan nabi mereka sehingga menganggapnya sebagai tuhan dan terlalu taksub melakukan amalan kerohanian sehingga memisahkan diri dari kehidupan duniawi seperti golongan nasrani; begitu juga mereka tidak cuai dan mengambil mudah hal ehwal agama mereka sehingga sanggup mengubah atau menukar prinsip serta pegangan agama mereka sesuka hati seperti golongan yahudi.<sup>56</sup>

Hubung kait antara kedua-dua unsur ini dapat diteliti dalam semua prinsip, tasyri' dan nilai yang disyariatkan serta dipupuk oleh Islam secara holistik. Misalnya sifat pemurah merupakan akhlak paling baik dalam pengurusan harta dan ia merupakan nilai pertengahan antara sifat kedekut dan membazir, begitu juga dengan sifat berani yang merupakan akhlak paling baik dalam aspek mempertahankan kebenaran, begitu juga ia

---

<sup>56</sup> Lihat: al-Tabariy. *Jami' al-Bayan fi Ta'wil Ay al-Qur'an*. Jld. 3. Hlm. 142.

merupakan nilai pertengahan antara sifat pengecut dan sifat semberona atau membuta tuli.<sup>57</sup>

Menurut al-Qaradawiy, *wasatiyyah* atau keseimbangan (*tawazun*) adalah pertengahan atau kesamarataan antara dua titik yang bertentangan dengan kadar tidak berlaku dominasi dari satu pihak ke atas satu pihak yang bertentangan tersebut atau satu pihak mengambil ruang yang lebih dari pihak yang lain dan mengambil haknya. Antara dua titik pertentangan ini ialah ketuhanan dan kemanusiaan, kerohanian dan kebendaan, keduniaan dan keakhiran, akal dan wahyu, individu dan kumpulan, realistik dan idealistik dan seumpamanya. Menurut al-Qaradawiy lagi, kesemua titik yang bertentangan ini perlu dipertimbang serta diharmonikan dengan penuh keseimbangan seperti yang disarankan oleh Kitab Suci al-Quran menerusi ayat 7-9 dari surah al-Rahman.<sup>58</sup>

﴿وَالسَّمَاءَ رَفَعَهَا وَوَضَعَ الْمِيزَانَ ﴾ ﴿أَلَا تَطْغُوا فِي الْمِيزَانِ﴾

Maksudnya: *Dan langit dijadikannya (membumbung) tinggi, serta Ia mengadakan undang-undang dan peraturan neraca keadilan, Supaya kamu tidak melampaui batas dalam menjalankan keadilan; Dan betulkanlah cara menimbang itu dengan adil, serta janganlah kamu mengurangi barang yang ditimbang.*

Sebagai kesimpulan, dapatlah dirumuskan bahawa *wasatiyyah* dari perspektif Quran dan Sunnah ialah: Suatu nilai terbaik dalam sesuatu perkara dengan mengambil kira aspek keseimbangannya dari berbagai sudut termasuk kepentingan semua pihak terbabit.

<sup>57</sup> Lihat: al-Sallabi. *al-Wasatiyyah Fi al-Qur'an al-Karim*. Hlm. 47.

<sup>58</sup> Lihat: al-Qaradawiy, Yusuf. 1423H/2002. *Al-Wasatiyyah*.  
<http://www.qaradawi.net/library/63/3197.html>

## Ciri-ciri Wasatiyyah Dalam Amalan Kehidupan

Antara ayat-ayat *tasyri'* yang menyusun amalan kehidupan seorang muslim secara berimbang dalam aspek keduniaan (duniawi) dan keakhiran (ukhrawi) ialah seperti yang selalu dibacakan oleh para imam dalam solat pada malam Jumaat, ayat 9-10 dari surah *al-Jumu'ah*:

﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعُوا إِلَى ذِكْرِ  
اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴾ فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ  
فَاتَّشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَآذُكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ  
تُفْلِحُونَ﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya). Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).*

Ayat ini memberi gambaran mengenai konsep *wasatiyyah* dalam kehidupan seorang muslim. Mereka berusaha dalam mencari kehidupan dunia mereka tanpa mengabaikan tanggungjawab *ta'abbudiy* mereka. Tidak berlaku sebarang kelekaan, kecuaian mahupun ketidakcaknaan terhadap kedua-dua tanggungjawab tersebut. Kedua-duanya dilakukan dengan penuh kesungguhan, etika, ketaatan kepada Allah SWT dan

kesaksamaan malah beriringan dalam memenuhi kesempurnaan kedua-dua tanggungjawab tersebut.

Dari sudut keseimbangan dalam menunaikan tanggung jawab serta hak di atas bahu seorang insan, Rasulullah SAW memberi panduan terbaik agar tidak berlaku perlanggaran antara suatu hak dengan hak lain atau penumpuan yang berlebihan kepada suatu hak sehingga mengabaikan hak lain. Dalam hubungan ini, hadis di bawah wajar menjadi panduan kepada setiap individu dalam menyusun berbagai tanggungjawab dalam kehidupan.

آخَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَيْنَ سَلْمَانَ، وَأَبِي الدَّرْدَاءِ، فَزَارَ سَلْمَانُ أَبَا الدَّرْدَاءِ، فَرَأَى أُمَّ الدَّرْدَاءِ مُتَبَذِّلَةً، فَقَالَ لَهَا: مَا شَانِلَكِ؟ قَالَتْ: أَخْرُوكَ أَبُو الدَّرْدَاءِ لَيْسَ لَهُ حَاجَةٌ فِي الدُّنْيَا، فَجَاءَ أَبُو الدَّرْدَاءِ فَصَنَعَ لَهُ طَعَامًا، فَقَالَ كُلُّ؟ قَالَ: إِنِّي صَائِمٌ، قَالَ: مَا أَنَا بِأَكِلْ حَتَّى تَأْكُلَ، قَالَ: فَأَكَلَ، فَلَمَّا كَانَ الْلَّيْلُ ذَهَبَ أَبُو الدَّرْدَاءِ يَقُومُ، قَالَ: نَمْ، فَنَامَ، ثُمَّ ذَهَبَ يَقُومُ فَقَالَ: نَمْ، فَلَمَّا كَانَ مِنْ آخِرِ الْلَّيْلِ قَالَ: سَلْمَانُ قُمِ الآنَ، فَصَلَّى فَقَالَ لَهُ سَلْمَانُ: إِنَّ لِرَبِّكَ عَلَيْكَ حَقًّا، وَلِنَفْسِكَ عَلَيْكَ حَقًّا، وَلِأَهْلِكَ عَلَيْكَ حَقًّا، فَأَعْطِ كُلَّ ذِي حَقٍّ حَقًّهُ، فَأَتَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَذَكَرَ ذَلِكَ لَهُ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: صَدَقَ سَلْمَانُ.

Maksudnya: *Rasulullah SAW telah mempersaudarakan antara Salman al-Fasrisi dengan Abu al-Darda'. Pada suatu hari, Salman datang menziarahi Abu al-Darda'. Setibanya, beliau melihat Ummu al-Darda' (isteri Abu al-Darda') dalam keadaan yang tidak terurus. Salman bertanya: "kenapa keadaan kamu seperti ini?" Isteri Abu a-Darda' menjawab: "saudara kamu Abu al-Darda' tidak berhajat kepada dunia." Setelah Abu al-Darda' pulang, Salman menyediakan makanan, lalu berkata kepadanya: "makanlah". Abu al-Darda' menjawab: "sesungguhnya aku puasa". Salman berkata: "aku tidak akan makan selagi kamu*

*tidak makan". Lalu Abu al-Darda' pun makan. Apabila tiba waktu malam, Abu al-Darda' bangun untuk berqiyamullail. Salman berkata: "tidurlah". Lalu ia pun tidur. Kemudian Abu al-Darda' bangun lagi, lalu Salman berkata kepadanya: "tidurlah". Apabila tiba waktu akhir malam, Salman berkata: "sekarang bangunlah". Lalu mereka berdua menunaikan solat. Salman seterusnya berkata kepada Abu al-Darda': "sesungguhnya bagi Tuhan kamu ke atas kamu ada hak (tanggungjawab), dan bagi diri kamu ke atas kamu ada hak, dan bagi isteri kamu ke atas diri kamu ada hak, maka hendaklah kamu memberikan setiap yang berhak haknya. Abu al-Darda' kemudiannya datang berjumpa Rasulullah SAW dan menceritakan peristiwa itu kepada baginda, lalu baginda berkata: "benarlah Salman."<sup>59</sup>*

Dari sudut nilai kepimpinan dalam kehidupan seseorang, Abdullah Ibn Umar meriwayatkan sebuah hadis yang sangat penting dalam menunaikan tanggungjawab sebagai seorang khalifah di muka bumi. Sabda baginda:

كُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ،  
وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالمرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتٍ زَوْجِهَا  
وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالخَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ . قَالَ  
وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ: وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَكُلُّكُمْ  
رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ .

Maksudnya: Semua kamu adalah pemimpin, dan semua kamu bertanggungjawab ke atas orang yang di bawah tanggungjawabnya. Seorang pemerintah adalah pemimpin, dan ia bertanggung jawab ke atas rakyat yang berada di bawah pemerintahannya. Seorang lelaki adalah pemimpin kepada ahli keluarganya, dan dia bertanggung jawab ke atas orang yang

<sup>59</sup> Hadis riwayat al-Bukhari dalam *Sahihnya*, Kitab al-Sawm, Bab man Aqsam ala Akhīh li Yūfir fi al-Tatawwu'. Lihat: *al-Bukhariy. Sahih al-Bukhariy*. Jld. 3. Hlm. 38.

*berada di bawah tanggung jawabnya. Seorang wanita adalah pemimpin di rumah suaminya, dan dia bertanggung jawab ke atas orang yang berada di bawah tanggung jawabnya. Seorang khadam adalah pemimpin dalam memelihara harta benda tuannya, dan dia bertanggung jawab ke atas perkara yang berada di bawah tanggung jawabnya. Ibn Umar berkata: Aku rasa bahawa baginda juga telah bersabda: Dan seorang lelaki adalah pemimpin ke atas harta bapanya, dan dia bertanggung jawab ke atas perkara yang berada di bawah tanggung jawabnya. Oleh itu, semua kamu adalah pemimpin dan bertanggung jawab ke atas orang yang berada di bawah tanggung jawabnya.<sup>60</sup>*

### **Penghayatan *Wasatiyyah* Dalam Nilai dan Etika Perkhidmatan Awam**

Perkhidmatan Awam merupakan satu institusi yang utama dan penting dalam sesebuah negara. Ia amat perlu bagi memelihara hubungan keluarga, sosial dan menjamin kehidupan seluruh negara berkenaan. Sebuah kerajaan yang memerintah bertanggungjawab menggubal dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang difikirkan perlu untuk negara mencapai matlamat ekonomi dan sosial yang dirancang.

Walau bagaimanapun, dasar-dasar atau peraturan-peraturan ini perlu dirumus, diperjelas dan dilaksanakan agar ia mencapai matlamat yang dikehendaki oleh Kerajaan. Tanggungjawab pelaksanaan ini adalah terletak di atas bahu Perkhidmatan Awam. Justeru, jika Perkhidmatan Awam cekap dan berkesan, maka pelaksanaan dasar itu akan menepati kemahuan Kerajaan. Sebaliknya, jika mereka yang menganggotai perkhidmatan tidak cekap, tidak jujur, tidak beramanah dan tidak bertanggung jawab, maka hasrat Kerajaan tidak akan tercapai.

---

<sup>60</sup> Hadis riwayat al-Bukhari dalam *Sahihnya*, Kitab al-Jumu'ah, Bab al-Jumu'ah fi al-Qura wa al-Mudun. Lihat: al-Bukhariy. *Sahih al-Bukhariy*. Jld. 2. Hlm. 5.

Pada amnya, tiap-tiap negara mempunyai hasrat supaya sistem pentadbirannya mencapai satu tahap yang tinggi dan mempunyai imej yang bersih serta dapat mendukung pembangunan negara ke arah peningkatan kualiti penghidupan rakyatnya. Hasrat ini juga adalah yang diharapkan oleh Kerajaan Malaysia berdasarkan kepada kesedaran bahawa peranan Perkhidmatan Awam adalah amat penting dalam membantu usaha-usaha Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju berasaskan kepada nilai-nilai murni sejagat. Untuk mencapai matlamat ini, jentera pentadbiran awam perlu sentiasa kemaskini dan berupaya memenuhi sebarang keperluan mengikut perubahan persekitaran dan cabaran-cabaran semasa. Penjawat Perkhidmatan Awam pula dikehendaki menghayati dan menanam sikap-sikap dan nilai-nilai yang positif agar ia menjadi teras atau tunggak kepada keperibadian atau tatakelakuan anggota Perkhidmatan Awam.

Berbagai dasar dan program telah dilaksanakan oleh Kerajaan secara berterusan agar penanaman dan penghayatan sikap dan nilai murni diamalkan oleh anggota Kerajaan. Di antaranya ialah:

- Teras Perkhidmatan Awam.
- Bersih, Cekap dan Amanah.
- Penerapan Nilai-nilai Murni.
- Kepimpinan Melalui Teladan.
- Pemakaian Tanda Nama.
- Kad Perakam Waktu.
- Pekeliling-pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam.<sup>61</sup>

Dasar-dasar seperti Bersih, Cekap, Amanah, Penerapan Nilai-nilai Murni, Kepimpinan Melalui Teladan, dan Kad Perakam Waktu begitu jelas sekali disedut dari penghayatan para penggubalnya terhadap prinsip serta budaya kerja yang telah

---

<sup>61</sup> Institut Tadbiran Awam Negara 1991. *Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam*. Cet. 2. 1993. Kuala Lumpur: INTAN. Hlm. 9.

dianjurkan oleh Islam. Prinsip dan budaya ini pastinya terbina atas dasar *wasatiyyah* sepertimana yang telah dihuraikan sebelum ini kerana nilai *wasatiyyah* merupakan ciri utama kepada seluruh ajaran Islam. Sebagai contoh, penggunaan kad perakam waktu merupakan aplikasi kepada kepentingan menguruskan waktu secara efektif seperti yang terkandung dalam surah al-Asr, iaitu:

﴿وَالْعَصْرِ ﴾ إِنَّ الْإِنْسَنَ لِفِي خُسْرٍ ﴿١﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا  
الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّمْرِ ﴾٢﴾

Maksudnya: *Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian; Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.*

Kepentingan memelihara serta menguruskan masa dalam Islam amat jelas menerusi penurunan surah ini yang kepentingannya dapat dilihat menerusi kata-kata al-Imam al-Shafi'i r.a.: “Sekiranya Allah SWT tidak turunkan kepada makhlukNya suatu hujah kecuali surah ini sahaja, nescaya ia sudah memadai.”<sup>62</sup> Rasulullah SAW berjaya membudayakan pengajaran dari surah ini dalam kehidupan para sahabat sehingga setiap kali mereka bertemu, mereka tidak akan berpisah kecuali setelah masing-masing membaca surah ini hingga akhir dan masing-masing bersalamam, sebagai peringatan kepada kepentingan menguruskan masa dalam urusan dan kehidupan mereka.<sup>63</sup>

Jika dilihat kepada Teras Perkhidmatan Awam, iaitu:

<sup>62</sup> Al-Shafi'I, Muhammad bin Idris. 1427H/2006. *Tafsir al-Imam al-Shafi'i*. tah. Al-Farran, Ahmad bin Mustafa. Arab Saudi: Dar al-Tadmuriyyah. Juz. 3. Hlm. 1461.

<sup>63</sup> Hadis riwayat al-Tabaraniy dalam *al-Mu'jam al-Awsat*. Lihat: al-Tabaraniy, Sulaiman bin Ahmad. T.th. *al-Mu'jam al-Awsat*. Tah. Tariq bin Awad Allah & al-Husainiy, Abd al-Muhsin bin Ibrahim. Kaherah: Dar al-Haramayn. Jld. 5. Hlm. 215.

- Berazam meninggikan mutu perkhidmatan.
- Bekerja dengan penuh tanggungjawab.
- Berusaha mengikis sikap mementingkan diri.
- Berkhidmat dengan penuh muhibbah dan kemesraan.
- Bekerja ke arah memajukan pemikiran rakyat dan pembangunan negara.
- Bekerjasama dalam membentras kelemahan dan musuh-musuh negara.
- Berpegang teguh kepada ajaran ugama.

Jelas sekali apa yang digubah supaya menjadi pegangan dan amalan kakitangan awam ini adalah dengan mengambil kira kepentingan semua pihak yang menerima perkhidmatan dari mereka termasuk aspek kebajikan serta kepentingan mereka sendiri serta hubungan sesama mereka sebagai petugas yang berbakti untuk masyarakat dan negara. Keseimbangan dalam menunai serta memelihara hak semua pihak berkepentingan inilah yang dimaksudkan sebagai *wasatiyyah* seperti yang dijelaskan sebelum ini. Selain itu, kesemua teras yang dinyatakan merupakan nilai-nilai yang diseru dan dituntut oleh Islam sendiri.

Sebagai contoh, dalam konteks meninggikan mutu perkhidmatan, setiap kakitangan awam perlu memastikan hasil kerja yang disumbangkan adalah sempurna dan memenuhi piawaian yang ditetapkan. Dalam hubungan ini, sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Imam al-Tabaraniy wajar menjadi renungan kita bersama. Disebutkan bahawa ketika Rasulullah SAW dan para sahabat dalam keadaan penuh kesedihan menunaikan upacara pengkbumian putera baginda Ibrahim, baginda melihat suatu lubang pada lahad yang disediakan tidak ditutup dengan sempurna. Rasulullah SAW lalu menegur supaya ia ditutup dengan sempurna, seraya bersabda:

إِنَّ الْعَبْدَ إِذَا عَمِلَ عَمَلاً أَحَبَّ اللَّهُ أَنْ يُتَقْرَأَ

Maksudnya: *Sesungguhnya seorang hamba apabila ia melakukan suatu pekerjaan, Allah amat suka supaya ia melakukannya dengan sempurna.*<sup>64</sup>

Manakala unsur-unsur nilai utama Perkhidmatan Awam pula, iaitu:

- Amanah,
- Bertanggungjawab,
- Ikhlas,
- Dedikasi,
- Sederhana,
- Tekun,
- Bersih,
- Berdisiplin,
- Bekerjasama,
- Berbudi mulia,
- Bersyukur,<sup>65</sup>

Kesemuanya adalah dari Akhlak Islamiyyah yang perlu diterapkan oleh setiap muslim dalam semua aktiviti kehidupan sehariannya. Akhlak Islamiyyah inilah yang jika direnungkan merupakan misi utama di sebalik pengutusan baginda Rasulullah SAW ke muka bumi. Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا بُعْثِتُ لِأَتُمْ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ .

Maksudnya: *Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia*<sup>66</sup>.

<sup>64</sup> Hadis riwayat al-Tabaraniy dalam *al-Mu'jam al-Kabir*. Lihat: al-Tabaraniy, Sulaiman bin Ahmad. T.th. *al-Mu'jam al-Kabir*. Tah. Al-Salafiy, Hamdi bin Abd al-Majid. Kaherah: Dar Ibn Taymiyyah. Jld. 24. Hlm. 306.

<sup>65</sup> Institut Tadbiran Awam Negara. *Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam*. hlm. 3.

<sup>66</sup> Hadis riwayat al-Bayhaqiy dalam *al-Sunan al-Kubra*. Lihat: al-Bayhaqiy, Ahmad bin al-Husayn. 1424H/2003. *al-Sunan al-Kubra*. Tah. Ata,

Penghayatan terhadap *wasatiyyah* dalam nilai dan etika perkhidmatan awam sebenarnya amat ketara sekali, malah tidak keterlaluan jika dikatakan ia telah menjadi asas penting semenjak usaha kerajaan memperkasakan perkhidmatan awam melalui dasar-dasar baru yang diperkenalkan. Ia disokong dengan berbagai usaha memberi kefahaman kepada semua warga yang terlibat melalui siri latihan, penerangan dan penerbitan bahan-bahan yang menjadi panduan kepada Kakitangan Awam. Sebagai bukti, bab pertama dalam buku ‘Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam’ yang menjadi rujukan sehingga kini adalah bertajuk ‘Penerapan Nila-nilai Islam’ yang ditulis sendiri oleh seorang tokoh berjasa dalam meningkatkan perkhidmatan awam iaitu YAM Tun Dr Mahathir Muhammad sendiri. Bab ini menerangkan dengan jelas bagaimana Islam menjadi teras kepada budaya perkhidmatan cemerlang yang boleh diterima oleh semua pihak walau berbeza agama dan pegangan. Antara lain beliau menulis:

“Bagi menjayakan pentadbiran Kerajaan, nilai-nilai Islam yang diutamakan boleh diamalkan oleh semua rakyat Malaysia, sama ada mereka Islam atau bukan Islam. Nilai-nilai yang diutamakan untuk pentadbiran yang boleh diterima oleh orang Islam dan bukan Islam ialah, amanah, kejujuran, bertanggungjawab, rajin, ikhlas, tertib, disiplin, mengutamakan masyarakat lebih daripada diri sendiri, sanggup berkorban, tidak tamak, berpandangan jauh, bermoral dan berkelakuan baik dan lain-lain lagi.

Nilai-nilai ini penting dalam pentadbiran kerana pemerintahan perlu mengutamakan masyarakat dan bukan diri sendiri sehingga masyarakat akan rugi. Amanah umpamanya amat penting bagi pentadbiran kerana pentadbir diberi kuasa untuk mengurus masa, harta dan wang orang ramai. Pentadbir yang melengah-lengahkan kerja akan membazirkan masa dan

wang masyarakat. Demikian juga pentadbir yang tidak cekap atau yang menerima rasuah, atau tidak berasa bertanggungjawab terhadap tugas yang diamanahkan kepadanya.

Nabi Muhammad SAW biasa membawa barang-barang Siti Khatijah<sup>67</sup> untuk diniagakan hingga ke Syria. Setiap perjalanan tentulah mengambil masa berbulan-bulan. Jualan dan untung-rugi perniagaan yang diuruskan oleh Nabi tidak mungkin diawasi oleh Siti Khatijah. Hanya Nabi sahaja yang mengetahuinya. Tetapi Nabi tidak menipu barang sedikitpun. Demikianlah amanah, tanggungjawab dan keikhlasan Nabi sehingga Siti Khatijah menaruh penuh kepercayaan tentang urusan perniagaannya di tangan Nabi. Akhirnya Nabi berkahwin dengan Siti Khatijah kerana Siti Khatijah kagum dengan peribadi mulia Nabi.

Nabi Muhammad SAW diberi gelaran "Al-Amin" oleh masyarakat Makkah kerana amanah dan kejujurannya. Gelaran ini sepatutnya menjadi panduan besar kepada umat Islam. Jika kita dikehendaki mengikut sunnah Nabi, tidak ada amalan yang lebih dekat dengan peribadi Nabi daripada keikhlasan dan sifat amanahnya. Ramai yang lebih mengutamakan simpan janggut seperti Nabi tetapi tidak begitu mengutamakan amanah seperti Nabi. Oleh itu penerapan nilai amanah oleh pegawai dan kakitangan Kerajaan bermakna penerapan nilai-nilai Islam. Dan apabila seseorang tidak beramanah maka ia, dari segi amalan nilai Islam, jauh daripada Islam.

Demikian juga dengan nilai-nilai lain yang disebut tadi. Semua disebut dalam Al-Quran atau sunnah Nabi...”<sup>68</sup>

---

<sup>67</sup> Iaitu Khadijah binti Khuwaylid seorang janda bangsawan dan ahli perniagaan terkemuka di Mekah ketika itu. Lihat kisah ini dalam: al-Mansurfuriy, Muhammad Sulayman. T.th. *Rahmah li al-Alamin*. Terj. Samir Abd al-Hamid Ibrahim. Riyadh: Dar al-Salam Li al-Nashr wa al-Tawzi'. Hlm. 36.

<sup>68</sup> Institut Tadbiran Awam Negara. *Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam*. hlm. 14.

Dari sini dapat dirumuskan bahawa *wasatiyyah* telah lama diterapkan dalam perkhidmatan awam, malah telah menjadi asas dalam menetapkan dasar serta menentukan halatuju perkhidmatan awam di Malaysia. Ianya sejajar dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara. Walau bagaimanapun istilah ini tidak muncul sebagai suatu slogan dalam penjenamaan institusi ini. Apa yang penting konsep ini boleh bahkan telahpun diterima dan diamalkan dengan baik oleh seluruh warga Perkhidmatan Awam tanpa mengira latar belakang bangsa dan agama mereka. Ia merupakan suatu kejayaan yang besar dalam konteks negara berbilang bangsa, adat dan budaya seperti Malaysia.

## Kesimpulan

Dari huraiyan yang diberikan, dapatlah difahami bahawa *wasatiyyah* merupakan suatu nilai yang telah berakar umbi dan menjadi budaya dalam kehidupan masyarakat di Malaysia. Malah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa berkat nilai inilah kestabilan dan keharmonian hidup di negara ini terus kekal semenjak dari era sebelum kemerdekaan sehingga kini.

Nilai ini secara langsung telah dibawa dalam institusi perkhidmatan awam dan terus dihayati seiring dengan kemajuan institusi ini dalam menjamin kelancaran serta keberkesanan agensi-agensi kerajaan menunaikan tanggung jawab menyampaikan aspirasi serta agenda pembangunan negara oleh pihak kerajaan kepada masyarakat.

Usaha memberi pemahaman mengenai konsep *wasatiyyah* dalam konteks urus tadbir negara oleh para penggubal serta pelaksana dasar-dasar negara memberi ruang kepada kakitangan terbabit untuk menyemak semula penghayatan mereka terhadap prinsip, teras serta semangat yang ada dalam kod etika Perkhidmatan Awam.

Penerapan pendekatan strategik baharu ini dalam merencana agenda transformasi negara diharap dapat memberikan lonjakan yang bermakna dalam menjamin pencapaian wawasan negara seperti yang diimpikan menjelang 2020.

## Rujukan

- al-Asqalaniy, Ahmad bin Ali Ibn Hajar. 1379H. *Fath al-Bariy Sharh Sahih al-Bukhariy*. Beirut: dar al-Ma'rifah.
- Bahagian Hal Ehwal Islam. T.th. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Tafsir Al-Quran for Windows 95 Versi 1.0. Bahaman Makiran. T.tp. Jabatan Perdana Menteri.
- al-Bayhaqiy, Ahmad bin al-Husayn. 1424H/2003. *al-Sunan al-Kubra*. Tah. Ata, Muhammad Abd al-Qadir. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Bukhariy, Muhammad bin Ismail. 1422H. *Sahih al-Bukhariy*. Tah. Al-Nasir, Muhammad Zuhayr. T.tp.: Dar Tuq al-Najah.
- Abu Dawud, Sulayman bin al-Ash'ath. T.th. *Sunan Abi Dawud*. Tah. Muhammad Muhy al-Din Abd al-Hamid. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- al-'Iiniyy, Mahmud bin Ahmad Badr al-Din. 1420H/1999. *Sharh Sunan Abi Dawud*. Tah. Al-Misriyy, Khalid bin Ibrahim. Riyadh: Maktabat al-Rushd.
- Institut Tadbiran Awam Negara 1991. *Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam*. Cet. 2. 1993. Kuala Lumpur: INTAN.
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid. T.th. *Sunan Ibn Majah*. Tah. Abd al-Baqi, Muhammad Fu'ad. T.tp.: Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah.
- al-Mansurfuriy, Muhammad Sulayman. T.th. *Rahmah li al-Alamin*. Terj. Samir Abd al-Hamid Ibrahim. Riyadh: Dar al-Salam Li al-Nashr wa al-Tawzi'.

- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukram. 1414H. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- al-Qaradawiy, Yusuf. 1423H/2002. *Al-Wasatiyyah*.  
<http://www.qaradawi.net/library/63/3197.html>  
Qutb, Sayyid. 1412H. *Fi Zilal al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Shuruq.
- Rida, Muhammad Rashid. 1990. *Tafsir al-Qu'an al-Hakim*. T.tp: al-Hay'ah al-Misriyyah al-Ammah li al-Kitab.
- al-Sallabiyy, Muhammad Aliy. 1419H/1999. *Al-Wasatiyyah Fi al-Qur'an al-Karim*. Amman: dar al-Nafa'is.
- Al-Shafi'i, Muhammad bin Idris. 1427H/2006. *Tafsir al-Imam al-Shafi'i*. tah. Al-Farran, Ahmad bin Mustafa. Arab Saudi: Dar al-Tadmuriyyah.
- al-Tabaraniyy, Sulaiman bin Ahmad. T.th. *al-Mu'jam al-Awsat*. Tah. Tariq bin Awad Allah & al-Husainiy, Abd al-Muhsin bin Ibrahim. Kaherah: Dar al-Haramayn.
- al-Tabaraniyy, Sulaiman bin Ahmad. T.th. *al-Mu'jam al-Kabir*. Tah. Al-Salafiy, Hamdi bin Abd al-Majid. Kaherah: Dar Ibn Taymiyyah.
- al-Tabariy, Muhammad bin Jarir. 1420H/2000. *Jami' al-Bayan fi Ta'wil Ay al-Qur'an*. Tah. Shakir, Ahmad Muhammad. T.tp: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Tirmiziy, Muhammad bin Isa. 1998. *Sunan al-Tirmiziy*. Tah. Ma'ruf, Bashshar Awwad. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiy.